

Anwar digesa tolak tuntutan Dong Zong iktiraf UEC

m/4: 2

BH - 14/12/2022

Kuala Lumpur: Majlis Bertindak Pendidikan Kebangsaan menggesa Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menolak tuntutan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) supaya kerajaan mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersama (UEC).

Pengerusinya, Datuk Zainal Abidin Borhan dalam satu kenyataan bersama semalam berkata, pihaknya berpendapat sebarang pengiktirafan adalah bertentangan dengan sistem pendidikan kebangsaan selia ada yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar.

Pihaknya turut menyifatkan tuntutan Dong Zong untuk mengiktiraf UEC adalah bertentangan aspirasi negara berlandaskan Perlembagaan Persekutuan.

"Falsafah Pendidikan Kebangsaan perlu dimartabatkan Kementerian Pendidikan, manakala UEC ialah sistem peperiksaan yang disediakan persatuan sekolah swasta Cina yang bercanggah pembinaan jati diri negara bangsa Malaysia.

"Kerajaan juga digesa tidak meluluskan peruntukan kepada sekolah dan pusat pengajian swasta yang dituntut Dong Zong," katanya.

11 NGO bincang isu UEC

Kenyataan berkenaan dikeluarkan secara bersama dengan 11 wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang menghadiri pertemuan bagi membincangkan mengenai isu UEC.

NGO terbabit ialah Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) yang

diwakili Datuk Zainal Abidin Borhan; Persatuan Penulis Nasional Malaysia (PENA), Dr Mohamad Saleed Rahamad; Presiden Persatuan Pesara Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Malaysia (PPPPPPM), Datuk Abdul Raof Hussin dan Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA), Mahmud Hishamuddin Abdul Rashid.

Wakil Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Dr Mohd Sahandri Gani; wakil Persatuan Penulis Budiman Malaysia, Prof Dr Abd Halim Ali; Persatuan Penulis Budiman Malaysia, Profesor Madya Dr Abdul Halim Hussein dan Pengerusi Biro Pembangunan Ummah dan Komuniti, Majlis Perundangan Melayu (MPM), Kamal Shukri Abdullah Sani.

Turut serta ialah KOR AKWAM 181, Datuk Dr Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Gerakan Pembela Ummah (UMMAH), Mohamad Zai Mustafa; Persatuan Sejarah Batu Pahat, Ramlee Wahab dan Presiden Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB), Jasni Md Kechik.

Zainal Abidin berkata, Majlis Bertindak Pendidikan Kebangsaan bersedia memberikan kerjasama kepada kerajaan dalam perkongsian kepakaran.

"Majlis Bertindak Pendidikan Kebangsaan menjunjung tinggi hasrat Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah untuk membentuk kerajaan perpaduan yang dapat menjamin kestabilan negara berteraskan prinsip Kedaulatan Undang-Undang dan Keluhuran Perlembagaan," katanya.